

## Breaking News / Berita Tergempur

Laman Mikro » Perbankan &amp; Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Per-

**AM > BERITA**

▼ iklan



## Data Perangkaan Negara Diiktiraf Dunia - Jabatan Perangkaan

SANDAKAN, 18 Ogos (Bernama) -- Data perangkaan yang dijanjikan Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) melalui banci dan penyiasatan ekonomi mendapat pengiktirafan dunia.

Timbalan Ketua Perangkawan Negara Ismail Yusoff berkata pembaharuan dan transformasi yang dibuat di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah mula menampakkan hasil memberangsangkan.

"Program ini juga turut mendapat pengiktirafan di peringkat dunia apabila Bank Dunia dalam laporannya 'Ease of Doing Business 2014' telah meletakkan Malaysia sebagai negara pada tangga keenam paling mudah memulakan atau menjalankan urus niaga berbanding tempat ke-18 pada 2011," katanya pada ketika merasmikan Seminar Transformasi Statistik Bersama Komuniti di sini, Selasa.

Beliau berkata, menurut laporan 'IMD World Competitiveness Yearbook 2014', Malaysia adalah negara ke-12 paling berdaya saing di dunia.

Katanya pengiktirafan yang diberikan oleh agensi berkenaan adalah berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh JPM.

Ismail berkata program ini terbukti dengan laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku pertama 2015 mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus walaupun negara menghadapi suasana ekonomi yang mencabar.

Menurutnya semus sektor mencatatkan pertumbuhan positif dengan didominasi oleh sektor perkhidmatan 6.4 peratus diikuti oleh pembuatan 5.6 peratus dari segi pengeluaran.

Sementara dari segi permintaan pula, ekonomi didorong oleh kesan momentum kukuh perbelanjaan penggunaan akhir swasta 8.8 peratus dan pembentukan Modal Tetap Kasar Sektor Swasta 11.7 peratus, katanya.

Beliau berkata JPM bertindak sebagai Penjana Rasmi Statistik Negara yang diamansahkan untuk memungut, mentafsir dan menyebar perangkaan untuk dijadikan input kepada pembentukan dasar dan perancangan pembangunan negara.

"Melalui statistik rasmi inilah, iklim perdagangan dapat dilihat dan dinilai dalam menyakinkan pelaburan baharu bagi mempertingkatkan pembangunan ekonomi secara menyeluruh," katanya.